

TERMA DAN SYARAT
KEMPEN SIMPAN SSPN BARU SLAY!

KEMPEN

1. **Kempen Simpan SSPN Baru Slay!** (“Kempen”) merupakan Kempen yang direka khusus bagi memperkasakan tabungan generasi muda dengan menawarkan pelbagai hadiah eksklusif bernilai lebih **RM400,000** untuk dimenangi oleh **530 orang pemenang**.
2. Terdapat dua (2) cabutan untuk disertai oleh pendeposit:-
 - a) Cabutan *Slay* 1
 - b) Cabutan *Slay* 2

TEMPOH KEMPEN

3. Tempoh Kempen dan tempoh pengekaln adalah seperti berikut:-

Cabutan	Tempoh Kempen	Tempoh Pengekalan
Cabutan <i>Slay</i> 1	1 Januari – 31 Mac 2026	1 April – 30 April 2026
Cabutan <i>Slay</i> 2	1 April – 30 Jun 2026	1 Julai – 31 Julai 2026

4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk mengubah, menukar atau meminda tempoh Kempen ini sekiranya perlu, dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pertukaran atau pindaan tersebut melalui pemberitahuan di laman web rasmi PTPTN, media elektronik atau paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN.

KELAYAKAN UMUM

5. Terbuka kepada pendeposit **Simpan SSPN Prime** dan **Simpan SSPN Plus berumur 16 tahun sehingga 29 tahun** (penentuan umur adalah berdasarkan tahun semasa) sahaja.
6. Pendeposit hendaklah membuat pembukaan akaun atau penambahan simpanan di Simpan SSPN **melalui saluran myPTPTN sahaja** dalam tempoh Kempen.
7. Pendeposit hendaklah memastikan **simpanan bersih sekurang-kurangnya RM300** dikekalkan dalam tempoh Kempen.

8. Pendeposit **tidak boleh membuat sebarang pengeluaran dan/ atau pindahan simpanan semasa tempoh pengkelan daripada mana-mana akaun yang didepositkan** dalam tempoh Kempen untuk melayakkan penyertaan dalam cabutan.
9. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).
10. **Kelayakan bilangan cabutan**

Produk	Simpanan Bersih	Bilangan Cabutan Bagi Transaksi Berjaya Melalui myPTPTN
Simpan SSPN Prime	RM50	2 cabutan
Simpan SSPN Plus	RM50 (simpanan + takaful)	2 cabutan

11. Tiada had untuk bilangan cabutan.
12. Pendeposit hendaklah **memastikan akaun Simpan SSPN kekal aktif dan akaun Simpan SSPN Plus tiada tunggakan.**

HADIAH KEMPEN DAN TUNTUTAN HADIAH

13. Pemenang Kempen akan memenangi hadiah berikut:

Cabutan	Pemenang	Hadiah
Cabutan Slay 1	Utama	Yamaha NVX 155 x 1 pemenang
	Kedua	iPhone 17 Pro x 4 pemenang
	Ketiga	DJI Osmo <i>Pocket 3 Creator Combo</i> x 10 pemenang
	Saguhati	RM500 x 250 pemenang

Cabutan	Pemenang	Hadiah
Cabutan Slay 2	Utama	Yamaha NVX 155 x 1 pemenang
	Kedua	iPhone 17 Pro x 4 pemenang
	Ketiga	DJI Osmo <i>Pocket 3 Creator Combo</i> x 10 pemenang
	Saguhati	RM500 x 250 pemenang

14. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon/ hebahan di laman web rasmi PTPTN atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.

15. Hadiah berupa ganjaran tunai yang dimenangi **akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime** dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan.
16. Pelarasan **hadiah tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime** pendeposit yang dibuka untuk diri sendiri. Jika pemenang tidak mempunyai akaun tersebut, PTPTN berhak untuk membuka akaun Simpan SSPN Prime berdasarkan kepada butiran sedia ada pendeposit di akaun Simpan SSPN Prime atau Simpan SSPN Plus.
17. Hadiah berupa ganjaran tunai yang dimenangi oleh pendeposit **TIDAK LAYAK** untuk diambil kira bagi tujuan pengiraan pelepasan taksiran cukai. Pelepasan taksiran cukai yang boleh dituntut adalah mengikut dasar pelepasan taksiran cukai semasa yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
18. PTPTN akan melantik mana-mana syarikat pembekal bagi urusan pembekalan dan penghantaran hadiah yang berbentuk kenderaan kepada pemenang. Kaedah pembekalan dan penghantaran tersebut adalah tertakluk sepenuhnya kepada budi bicara mutlak PTPTN dari semasa ke semasa.
19. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas cukai, kadar, kos insurans atau apa-apa caj lain yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan.
20. PTPTN akan menguruskan penghantaran hadiah berbentuk barangan ke alamat surat-menyurat pemenang yang berdaftar dalam sistem PTPTN melalui kaedah serahan yang bersesuaian. Sekiranya hadiah dikembalikan semula (returned to sender) atas faktor alamat tidak lengkap, tidak tepat atau kegagalan penerimaan semasa serahan, pemenang perlu menghubungi PTPTN dengan segera untuk urusan tuntutan semula hadiah kempen.
21. PTPTN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan, sama ada secara nyata atau tersirat, berkenaan dengan kualiti dan/atau kesesuaian hadiah, dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana hadiah yang hilang, dicuri, rosak atau cacat disebabkan kecacatan bahan atau pembuatan oleh syarikat pengeluar, sama ada dalam tempoh jaminan atau sebaliknya. Pemenang hendaklah berurusan terus dengan pihak pembekal atau pengeluar bagi maklumat jaminan atau tuntutan (sekiranya ada), tanpa melibatkan PTPTN.
22. Pemenang dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada PTPTN untuk berkongsi maklumat mereka kepada syarikat pembekal bagi tujuan pembekalan hadiah berupa kenderaan dan penghantaran hadiah berbentuk barangan.
23. Pemenang hendaklah menanggung semua kos berkaitan tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.
24. Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar atau dipindah milik sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada apa-apa bentuk lain, kecuali yang ditetapkan oleh PTPTN.

25. Jika hadiah yang dimenangi tidak dapat disediakan atau diperoleh atas apa jua sebab, PTPTN berhak untuk menggantikan hadiah tersebut dengan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi, dengan memberikan notis sekurang-kurangnya empat belas (14) hari kepada pendeposit yang layak. Kaedah pemberitahuan ini boleh dilakukan secara bertulis, melalui laman web rasmi PTPTN, media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan PTPTN.
26. Hadiah hendaklah dituntut oleh pemenang dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** dari tarikh cabutan. PTPTN tidak akan melayan sebarang tuntutan yang dibuat selepas tamat tempoh tersebut.
27. Sekiranya pemenang telah meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh cabutan.
28. Pemenang atau warisnya dianggap telah melepaskan sebarang hak ke atas hadiah jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang telah ditetapkan.
29. Keputusan pemenang yang dibuat dan diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan dalam apa jua keadaan dan situasi.

PERUNTUKAN UMUM

30. Untuk menyertai Kempen ini, pendeposit mestilah termasuk di dalam kriteria kelayakan dan memenuhi mekanisme Kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh PTPTN, pendeposit tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan bagi menyertai Kempen ini.
31. Penyertaan pendeposit di dalam Kempen ini adalah atas risiko pendeposit sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan yang timbul akibat penyertaan tersebut.
32. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis awal melalui laman web rasmi PTPTN/ media massa/ paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN, atau melalui apa-apa kaedah lain yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi apa-apa pernyataan yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengan Kempen ini. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana pendeposit untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

33. Pendeposit adalah dinasihatkan untuk melayari laman web rasmi PTPTN dari semasa ke semasa untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Kempen serta mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma dan Syarat ini.
34. PTPTN tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau tersalah arah, sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau apa-apa sebab lain.
35. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis sekiranya didapati pendeposit tidak layak atau tidak mematuhi Terma dan Syarat yang telah ditetapkan.
36. Segala Terma dan Syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
37. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan Terma dan Syarat Kempen ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan Kempen ini, maka terma dan syarat yang dipaparkan di laman web rasmi PTPTN adalah yang muktamad. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak PTPTN.
38. PTPTN boleh menggunakan penyertaan pendeposit, termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan apa-apa kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi, serta nama pendeposit, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia, tanpa sebarang pampasan, dan dalam mana-mana media. Pendeposit hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
39. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir pendeposit mengikut rekod PTPTN dianggap telah diserahkan kepada pendeposit.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Kempen Simpan SSPN Baru Slay!*

Maklumat dikemas kini pada 27 Januari 2026